



RABU, 9 OGOS 2017

CCO 2017/073

Untuk Siaran Segera / *For Immediate Release*

## KENYATAAN MEDIA *PRESS STATEMENT*

### PENYALAHGUNAAN LOGO DAN NAMA UNIVERSITI MALAYA *MISUSE OF THE UNIVERSITY OF MALAYA NAME AND LOGO*

---

Universiti Malaya mendapati terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah menggunakan nama dan logo Universiti Malaya secara tidak sah dengan mengeluarkan surat tawaran kemasukan dan menjual sijil yang mempunyai logo Universiti Malaya setelah menghadiri kelas atau program tertentu.

Universiti Malaya juga mendapati pihak tidak bertanggungjawab ini menggunakan hebahan dan sebaran melalui aplikasi Whatsapp, media sosial, brosur, laman web dan juga menggunakan agen yang tidak sah.

Adalah ditegaskan bahawa semua program yang ditawarkan oleh Universiti Malaya adalah dibuat melalui saluran rasmi Universiti dan calon-calon perlu memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan. Sebarang tawaran kemasukan dan juga penganugerahan sijil selain daripada saluran rasmi Universiti adalah palsu dan tidak sah.

Siasatan lanjut sedang dijalankan di peringkat Universiti Malaya dan orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak terpedaya dengan cubaan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab yang telah menyalahguna nama dan logo Universiti Malaya secara tidak sah.

Universiti Malaya tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana pihak sekiranya mereka didapati menggunakan nama dan logo Universiti Malaya tanpa kebenaran dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya demi untuk melindungi haknya di bawah undang-undang.

Semoga pengumuman ini dapat menjelaskan isu di atas.

*It has come to our attention that irresponsible parties have been using the name and logo of the University of Malaya without consent by issuing admission offer letters and University of Malaya certificates by charging a fee after attending certain classes or programs.*

*University of Malaya also found that these irresponsible parties have been using either Whatsapp applications, social media, through brochures and websites and unauthorised agents for the distribution of information.*

*University of Malaya would like to emphasize that all programs offered by the University through its official channel and all candidates must meet the prescribed admission requirements. Any offer and conferment of certificates made through external channels are considered fake and shall not be validated by University of Malaya.*

*Further investigation is currently being carried out at the University level and the public is advised not to be misled by the attempts of these irresponsible parties who have illegally misused the University of Malaya's name and logo.*

*University of Malaya will not tolerate any illegal usage of the name and logo of the University Malaya and will take necessary action to protect its rights under the law.*

*We hope that this statement will clarify the issue above.*

---

Dikeluarkan oleh :  
**Pejabat Komunikasi Korporat**  
Aras L, Bangunan Canseleri  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-79673238 Faks: 03-7956 0027, Emel: [corporate@um.edu.my](mailto:corporate@um.edu.my)